

15 SEP 1998

Pemuda - Umno

PEMIMPIN PEMUDA UMNO SOKONG ABDUL RAHIM GHOUSE LETAK JAWATAN

PULAU PINANG, 15 Sept (Bernama) -- Beberapa pemimpin Pemuda UMNO peringkat bahagian negeri hari ini menyokong desakan supaya Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri, Dr Abdul Rahim Md Ghouse meletakkan jawatan, kerana sokongannya terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mereka menggesa Abdul Rahim supaya berundur daripada menerajui kepimpinan Pemuda Umno Negeri, kerana penglibatannya dalam gerakan reformasi Anwar mencemarkan nama baik Pergerakan itu.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Kepala Batas, Roslan Saidin, yang juga Bendahari Pergerakan Pemuda Umno Negeri berkata, gesaan beberapa anggota Pemuda semalam kena pada tempatnya, kerana Abdul Rahim seolah-olah tidak mempunyai pendirian yang kukuh.

Katanya, beliau (Abdul Rahim) telah menyatakan sokongannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan keputusan Majlis Tertinggi (MT), tetapi pada masa yang sama beliau juga menyokong gerakan reformasi Anwar.

Naib Ketua Pemuda Umno Bahagian Balik Pulau, Hashimi Budin pula berkata, sebagai ketua pergerakan Pemuda Umno negeri, Abdul Rahim perlu akur dengan kehendak MT.

Beliau turut menggesa supaya rombakkan kepimpinan Pemuda Umno negeri dan pusat dibuat bagi memastikan Pergerakan Pemuda Umno berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan parti.

Abdul Rahim tidak dapat dihubungi untuk mengulas tentang desakan itu.

Semalam, bekas Penolong Setiausaha Pergerakan Pemuda Negeri, Mohd Zulkhifli Ismail berkata, wajar bagi Rahim melepaskan jawatannya berikutan tindak-tanduknya yang sentiasa berada bersama Anwar, dalam apa jua majlis dan ceramah reformasi.

-- BERNAMA

ZU RI